

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menyelidik persepsi pelajar tentang pendidikan kewarganegaraan dalam kurikulum sekolah. Kajian ini juga melihat kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, kesedaran pelajar mengenai kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah, persepsi pelajar tentang tiga mata pelajaran yang mempunyai paling banyak nilai-nilai kewarganegaraan, persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali serta memahami nilai-nilai kewarganegaraan dan persepsi pelajar tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Kaedah survey dengan pendekatan soal selidik digunakan untuk menjawab soalan kajian. Responden terdiri dari 150 orang pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan Empat dari sebuah sekolah di Gombak. Data yang diperolehi, telah dianalisis secara analisis deskriptif. Keputusan kajian mendapati bahawa responden mempunyai kebolehan yang baik untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, responden juga menyedari kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah, responden memilih Bahasa Melayu, Sejarah dan Pendidikan Islam sebagai tiga mata pelajaran yang mempunyai paling banyak nilai-nilai kewarganegaraan, lebih ramai responden yang berpersepsi perlu ada mata pelajaran yang berasingan untuk pendidikan kewarganegaraan dan responden berpersepsi kedua-dua versi pendidikan kewarganegaraan adalah sesuai untuk diajar di sekolah.

## SECONDARY SCHOOL STUDENT PERCEPTION ON CITIZENSHIP EDUCATION IN THE CURRICULUM

### ABSTRACT

This study was designed to look into student perception about citizenship education in the school curriculum. The objectives of the research are, to determine students' capabilities to recognize citizenship values, students' awareness on the presence of citizenship values in five core subjects taught in schools, students' perception on three main subjects which contain most citizenship values, student' perception about learning citizenship education as a separate subject and students' perception on the version of citizenship education suitable to be taught in schools. The research metodolgy used is survey with a questionnaire. Respondents for this research consist of 150 female and male Form Four students from a secondary school in Gombak. Descriptive statistical techniques were employed to analyze the data collected. Findings indicated that respondents were well capable of recognizing citizenship values, respondents were well aware of the presence of citizenship values in five core subjects taught in schools, respondents' perception on three main subjects which contain most citizenship values is Bahasa Melayu, History and Pendidikan Islam, majority of the respondents agreed on the need of citizenship education to be taught as a separate subject and respondents perceived both versions of citizenship education as suitable to be taught in schools.